

BINGKISAN DAERAH

Wilayah Tengah
Semenanjung,
Sabah dan Sarawak

3



■ Datin Seri Dr. Siti Hasmah

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Pusat Harian Kanak2 perlu dikawal dan diawasi

Oleh JAMILAH ABD. HAMID

KUALA LUMPUR, Sabtu — Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, mengemukakan perkhidmatan diadakan undang-undang mengenai jagaan dan asuhan kanak-kanak bagi mengawal dengan rapi pusat-pusat harian kanak-kanak yang wujud.

Katanya, pusat-pusat harian itu perlu dikawal dan diawasi bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan akan menjamin keselamatan dan pertumbuhan kanak-kanak yang sihat.

Berucap merasmikan seminar sehari mengenai pengasuhan kanak-kanak pra-sekolah anjuran Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia, beliau berkata dengan adanya undang-undang itu, keperluan piawaian perkhidmatan pusat-pusat harian kanak-kanak dapat dikuatkuasakan.

Katanya lagi, piawaian ke atas penyelenggaraan dan mutu perkhidmatan perlu ditentukan dan menjadi asas untuk mengukur mutu perkhidmatan yang diberi oleh pusat-pusat jagaan dan asuhan.

Datin Seri-Dr. Siti Hasmah seterusnya berkata, langkah-langkah perlu diambil bagi mengadakan lebih banyak lagi pusat-pusat didikan dan asuhan harian di bandar dan juga di luar bandar.

Ini disebabkan pusat-pusat seumpama itu masih lagi berkurangan khususnya di luar bandar.

"Pusat-pusat tersebut sangat perlu terutama untuk membantu ibu-ibu yang bekerja mengatasi masalah jagaan anak-anak mereka," jelas beliau.

Pusat-pusat tersebut katanya selain daripada menjadi tempat di mana anak-anak kecil dapat ditinggalkan dan dijaga dengan baik, akan juga dapat menentukan pertumbuhan sihat dari segi fizikal dan mental mereka.

Isteri Perdana Menteri menegaskan, kajian kemalangan yang di kalangan kanak-kanak menunjukkan masa kemalangan berlaku di antara jam 10 pagi hingga 5 petang, iaitu semasa ibu-ibu keluar bekerja.

Justeru itu, katanya, jagaan sepenuhnya perlu diberi kepada kanak-kanak pra-sekolah.